

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-10
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 01-07-1987

Yang Ariff Hakim Siti Norma Yaacob, Tetamu Kehormat BAKTI;

Yang Amat Berbahagia Hajah Asmah Alang, Naib Yang Di-Pertua BAKTI;

Yang Amat Berbahagia Tun Rahah;

Yang Amat Berbahagia Toh Puan-Toh Puan;

Yang Berbahagia Saudari-saudari ahli-ahli BAKTI dan Ahli-Ahli Bersekutu.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya melafazkan syukur ke hadrat Illahi kerana mengurniakan kita semua usia yang panjang dan kesejahteraan yang membolehkan kita berkumpul sekali lagi hari ini dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-10.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran puan-puan dan mengucapkan selamat datang dan terima kasih kerana dengan kehadiran puan-puan ini adalah jelas membuktikan kesanggupan puan-puan menyempurnakan tugas-tugas dan tanggungjawab kita sebagai ahli BAKTI dan ahli Bersekutu BAKTI.

3. Kita amat berbangga dengan penghormatan yang diberi kepada BAKTI oleh tetamu kehormat kita, Yang Ariff Hakim Siti Norma Yaacob. Semenjak tahun 1983 beliau telah menyandang jawatan Hakim di Mahkamah Tinggi selaku wanita yang julung kali diberi kehormatan yang cemerlang dalam sejarah kehakiman di negara kita. Memandang kepada kejayaan kerja beliau semenjak lulus dalam undang-undang di Gray's Inn, London, 25 tahun dahulu, beliau telah memegang jawatan-jawatan tinggi dalam Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Tinggi, hinggalah ke Mahkamah Persekutuan Malaysia. Yang Ariff juga telah memegang jawatan-jawatan dalam beberapa Persatuan Kehakiman dan Peguaman di Malaysia dan juga ASEAN.

Tidak kurang juga penyertaan beliau dalam persidangan dan seminar antarabangsa sebagai wakil Malaysia.

4. Tidaklah hairan bahawa Yang Ariff, yang datang dari keluarga yang terkenal dalam cerdas pandai di Negeri Sembilan, dikurniakan pingat Johan Setia Mahkota (JSM) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada tahun 1978.

5. Kami dalam BAKTI berasa bangga atas kejayaan yang cemerlang yang dicapai oleh seorang wanita kita dan ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Ariff, dengan doa semoga beliau akan maju dalam kerjaya ke tahap yang lebih tinggi, insya-Allah.

Yang Ariff Puan Hakim,

6. BAKTI meningkat umur 10 tahun pada bulan Mei lalu. BAKTI adalah suatu badan yang unik kerana tiada didapati di negara-negara lain sebuah organisasi seperti BAKTI yang berdasarkan kemesraan dan perpaduan dan kebajikan. BAKTI dikenali sebagai Badan Kebajikan yang membantu orang-orang dan institusi yang benar-benar memerlukan bantuan. Benar BAKTI adalah terhad kepada isteri pemimpin-pemimpin negara yang berada di Kuala Lumpur sahaja, tetapi nikmat-nikmat yang didapati oleh BAKTI di Kuala Lumpur melimpah juga ke negeri-negeri lain di negara kita.

7. Dalam 10 tahun yang lalu, BAKTI telah berjaya menganjurkan 6 projek amal yang telah menghasilkan kutipan wang yang banyak dan dengan itu juga BAKTI telah dapat menyumbangkan banyak derma

kepada masyarakat seluruh negara.

8. Peristiwa-peristiwa yang istimewa dalam sejarah BAKTI selain daripada projek-projek amal dan kebajikan ialah:- a. Majlis Perpisahan bagi DYMM Tengku Ampuan Pahang selaku Raja Permaisuri Agong pada 1984.

b. Majlis Sembah Kenal Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Sultanah Zanariah pada 1984.

c. Penubuhan Dermasiswa BAKTI pada 1985 untuk murid-murid miskin Sekolah Rendah, Menengah dan Tinggi seluruh negara.

d. Menganjurkan Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pencegahan Penyalahgunaan Dadah, Oktober, 1985.

e. Menyertai Projek 'Million Minutes of Peace' tahun 1986 dan mendapat tempat yang pertama di Malaysia kerana menyumbangkan minit kedamaian.

f. Menganjurkan rakaman album lagu-lagu anti-dadah oleh pemuzik-pemuzik dan artis-artis terkenal tanahair.

g. BAKTI telah menyertai Projek Usaha-Bersama yang pertama bagi mengirim bungkusan-bungkusan Hari Raya kepada Pasukan Keselamatan Tentera dan Polis dan juga mentadbirkan projek itu dengan jayanya pada Mei, 1987.

h. BAKTI telah menyertai Forum NGO di Vienna, Austria pada 16 - 26hb. Jun, 1987, mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Haram Najis Dadah. BAKTI telah diwakili oleh Yang Di-Pertua BAKTI yang juga mengetuai rombongan NGO dari Malaysia.

9. Perayaan ulangtahun ke-10 BAKTI akan bermula dengan membaca Al-Quran beramai-ramai pada esok hari dan akan berakhir pada 16hb. Julai dengan membaca Yassin dan doa selamat. Antara tarikh-tarikh tersebut akan diadakan rancangan kebajikan, berkelah dengan keluarga dan kemuncaknya ialah Majlis Kenangan Mesra di Sri Perdana dengan keberangkatan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Kita berdoa semoga aturcara-aturcara perayaan ini akan sempurna dengan jayanya.

10. Akhir kata, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ahli-ahli yang mengaturkan Majlis Perasmian ini dengan sumbangan kuih-muih dan sumbangan tenaga. Kerjasama ini adalah amalan biasa BAKTI dan saya amat terhutang budi kepada ahli-ahli yang berbuat demikian.

11. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Ariff Hakim Siti Norma kerana memberi kita peluang bermesra dan mengenali beliau dengan dekat. Bukan mudah orang ramai berhadapan dengan seorang hakim kalau tidak dengan sebab sesuatu kesalahan. Oleh itu, sebelum saya dihukum, biarlah saya akhirkkan ucapan saya ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.